

## ***Kesalahan Penggunaan Imbuhan Bahasa Melayu Dalam Instagram***

### ***The Use Affix Error In Malay Language On Instagram***

Tengku Nur Syamila Tengku Din  
<sup>1</sup>Kartini Abd Wahab

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: <sup>1</sup>kartini@ukm.edu.my

#### **ABSTRAK**

*Makalah ini membincangkan tentang kesalahan imbuhan bahasa Melayu dalam media sosial. Setiap ayat dalam kapsyen di media sosial tidak semestinya menggunakan bentuk kata daripada proses pengimbuhan yang betul dan ia boleh menyukarkan pemahaman pengguna media sosial yang lain. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan untuk merungkai permasalahan yang timbul mengenai penggunaan imbuhan yang sering digunakan dalam media sosial. Objektif kajian adalah untuk menganalisis kekerapan jenis kesalahan imbuhan dalam penulisan kapsyen Instragram dan perkaitannya dengan aspek gramatikal. Kajian ini merupakan kajian morfologi yang menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kuantitatif melibatkan pemerhatian dan analisis kapsyen ke atas 30 akaun Instagram untuk meneliti kekerapan kesalahan penggunaan imbuhan. Kaedah kualitatif pula diterapkan dalam perbincangan kesalahan penggunaan imbuhan dan hubung kaitnya dari segi gramatikal. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga jenis kesalahan imbuhan bahasa Melayu dalam Instagram yang dikaji iaitu imbuhan awalan, akhiran dan apitan. Dari segi kekerapan, kesalahan imbuhan yang tertinggi ditemui adalah kesalahan imbuhan akhiran iaitu 44%, diikuti imbuhan awalan 16.92% dan apitan sejumlah 15.38%. Setiap jenis kesalahan tersebut mempunyai hubung kait darisegi kegramatisan khususnya makna ayat dan juga hubungan kohesif dan koherensi dalam kapsyen yang digunakan. Hal ini kerana perubahan suatu bentuk kata itu apabila mengalami proses pengimbuhan akan memberi kesan terhadap perubahan makna gramatikal dan makna konteks satuan ayat tersebut. Kesimpulannya, penggunaan imbuhan yang salah dapat mempengaruhi makna sebenar ayat yang ingin disampaikan dalam sesuatu kapsyentersebut.*

**Kata kunci:** morfologi, kesalahan imbuhan, bahasa Melayu, media sosial, Instagram.

#### **ABSTRACT**

*This paper discuss estheaffix error Malay language in social media. Every sentence in a caption on social media does not necessarily use the word form of the correct accretion process and it can make it difficult for other social media users to understand. Therefore, the purpose of this study was conducted to unravel the problems that a rise regarding the use of rewards that are often used in social media. The objective of the study was to analyze the frequency of reward error types in Instragram caption writing and their relevance to grammatical aspects. This study is a morphological study that uses qualitative and quantitative*

*approaches. The quantitative method involved observation and caption analysis on 30 Instagram accounts to examine the frequency of misuse of remuneration. Qualitative methods are applied in the discussion of errors in the use of adjectives and their grammatical relationships. The study found that there are three kinds of error adjustment of the Malay language in Instagram studied the prefixes, suffixes and clamp. In terms of frequency, the highest remuneration offense found was the suffix remuneration offense of 44%, followed by the initial remuneration of 16.92% and the circumfix of 15.38%. Each type of error has a correlation in terms of grammar especially the meaning of the sentence and also the cohesive and coherent relationship in the captions used. This is because the change of a word form when undergoing the process of accumulation will affect the change in grammatical meaning and contextual meaning of the sentence unit. In conclusion, the use of incorrect adjectives can affect the true meaning of the sentence to be conveyed in a caption.*

**Keywords:** morphology, affix errors, Malay, social media, Instagram

## 1. Pengenalan

Di era yang semakin moden dan berkembang ini, *Instagram* merupakan salah satu media sosial yang menjadi pilihan pengguna di dunia kerana kemampuannya untuk mengubah cara hidup dan gaya komunikasi masyarakat dunia. Namun, perkembangan teknologi tersebut telah membawa kepada perubahan terhadap bahasa. Jika dapat dilihat pada hari ini, penggunaan bahasa yang betul dalam lisan dan tulisan semakin terabai. Lebih-lebih lagi dengan kemunculan media sosial yang adakalanya memandang enteng dengan penggunaan bahasa yang betul. Walaupun kita melihat kemunculan media sosial adalah satu perkembangan yang baik kerana masyarakat mengikuti perkembangan teknologi semasa, namun sebenarnya penggunaan bahasa Melayu dalam media sosial ini banyak yang tidak menepati aspek morfologi dan seharusnya diperhatikan.

Sebenarnya, sejak awal lagi sehingga sekarang masalah kesalahan tatabahasa bahasa Melayu di Malaysia masih berterusan. Malahan, masalah itu kini menjadi lebih serius terutamanya dari aspek morfologi. Keadaan ini berlaku adalah ekoran daripada perkembangan bahasa dan salah satunya dipengaruhi oleh pengguna di media sosial. Oleh itu, pengguna di media sosial haruslah memainkan peranan penting sewaktu menggunakan bahasa bagi mengelakkan daripada berlakunya kesalahan-kesalahan tatabahasa yang boleh mengelirukan pengguna yang lain lebih-lebih lagi dengan kemunculan jenis media sosial yang pelbagai pada masakini. Media sosial juga telah menjadi keperluan asas bagi sesetengah orang, sehingga ada seperti penagih yang akan merasa pelik sekiranya tidak menggunakan media sosial dalam waktu seharian mereka. Rata-rata orang yang biasa menggunakan media sosial sebagai rutin mereka akan merasa seperti ini. Tetapi pada hakikatnya, media sosial hanya mempunyai satu fungsi, iaitu untuk mewujudkan komunikasi dalam talian.

Fenomena kesalahan penggunaan imbuhan bahasa Melayu di media sosial mesti dikawal kerana media sosial adalah salah satu medium yang sering digunakan oleh pelbagai generasi untuk berkongsi maklumat dengan pengguna sosial lain. Kesalahan penggunaan imbuhan bahasa Melayu di media sosial seperti *Instagram* tidak boleh dipandang remeh tetapi harus diberi perhatiann serius. Oleh itu, kajian ini membincangkan kesalahan penggunaan imbuhan bahasa Melayu dalam kalangan netizen di *Instagram*. Kajian ini melihat dari segi jenis-jenis kesalahan penggunaan imbuhan yang berlaku dalam ruangan kapsyen di *Instagram* di samping menganalisis kesalahan dan hubungannya dari segi gramatikal. *Instagram* dipilih kerana *Instagram* merupakan salah satu saluran media sosial yang sering digunakan oleh seluruh masyarakat untuk berkongsi maklumat.

## 2. Sorotan Literatur

Terdapat beberapa kajian lepas yang dipilih untuk dikaitkan dengan kajian ini. Antaranya ialah kajian ‘Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam kalangan Murid’ yang dilakukan oleh Amirra Shazreena, Aminul Razin, dan Vijayaletchumy Subramaniam (2019). Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan membincangkan jenis kesalahan imbuhan awalan dan imbuhan akhiran. Hasil kajian menunjukkan bagi imbuhan awalan *meN-*, seramai 59% murid tidak menguasai imbuhan *men-*, 64% murid tidak menguasai imbuhan *me-*, 69% murid tidak menguasai imbuhan *menge-*, dan 72% murid tidak menguasai imbuhan *meny-*. Ketiga-tiga pengkaji mengaitkan situasi kesalahan imbuhan ini dengan faktor murid tidak dapat memahami kehendak soalan yang dikemukakan, selain tidak biasa menggunakan imbuhan di rumah dan disekolah. Kemudian bagi imbuhan akhiran *-an* dan *-kan*, seramai 77% murid tidak menguasai imbuhan *-an*, dan sekurang-kurangnya 62% murid tidak menguasai imbuhan *-kan*. Dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian ini adalah penguasaan imbuhan yang lemah dalam kalangan responden.

Selain itu, ‘Analisis Kesalahan Imbuhan dalam Penulisan Karangan Pelajar’ dalam kajian Nurul Adzwa Ahmad, Nur Farahkhanna dan Norfaizah (2020) membincangkan kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan dan hubung kait dari segi makna berdasarkan konsep makna gramatikal. Hasil kajian menunjukkan, terdapat 66 kesalahan imbuhan yang terdiri daripada (a) imbuhan kata nama sebanyak 14 kesalahan, (b) imbuhan kata kerja sebanyak 41 kesalahan, dan (c) imbuhan kata adjektif dengan satu kesalahan sahaja. Kesalahan ini turut melibatkan kesalahan dari segi (d) tidak menggunakan imbuhan pada perkataan yang memerlukan imbuhan iaitu sebanyak empat kesalahan dan (e) penggunaan imbuhan yang tidak terdapat dalam nahu sebanyak enam kesalahan. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, kesalahan imbuhan yang telah dikenal pasti turut mempunyai hubungan dari segi gramatikal. Hal ini demikian kerana, menurut pengkaji-pengkaji ini, apabila murid menggunakan imbuhan yang salah, maka sekaligus ia tidak dapat menyampaikan makna ayat seperti mana yang ingin disampaikan.

Seterusnya, kajian ‘Analisis Kesalahan dalam Penulisan Pelajar Bahasa Kedua dari Aspek Morfologi’ oleh Alhaadi Ismail dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2018). Kajian ini bertujuan menganalisis kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua, iaitu pelajar Cina dari aspek morfologi. Hasil kajian membuktikan bahawa kesalahan imbuhan yang kerap dilakukan oleh murid adalah dari segi penggunaan imbuhan awalan *di-*, imbuhan awalan *men-* dan alomorfnya. Kedua-duanya berpendapat bahawa perbezaan linguistik antara dua bahasa boleh menimbulkan kesukaran kepada murid untuk mempelajari bahasa kedua, bahkan bahasa asing termasuklah Bahasa Melayu yang merupakan bahasa kedua dalam kalangan penutur berbangsa Cina.

## 3. Metodologi

Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu kuantitatif dan kualitatif. Sejarar dengan objektif pertama, pengkaji akan menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengumpul dan mempersembahkan data berkaitan kesalahan penggunaan imbuhan bahasa Melayu dalam kalangan netizen di Instagram. Data-data diperoleh melalui kaedah analisis kandungan dengan cara melihat penggunaan imbuhan yang digunakan dalam setiap kapsyen dalam Instagram. Data dari kaedah ini akan membantu sebagai data sokongan dalam kajian ini. Bagi objektif ketiga pula, iaitu bertujuan membincangkan kesalahan penggunaan imbuhan bahasa Melayu dalam Instagram dan hubung kaitnya dari segi gramatikal, maka kaedah kualitatif digunakan untuk menjelaskan kedua-dua aspek tersebut secara deskriptif dan terperinci.

## 4. Dapatan dan Perbincangan

### 4.1 Analisis Kekerapan Kesalahan Penggunaan Imbuhan Dalam Instagram

Hasil kajian yang diperoleh melalui kapsyen yang ditulis oleh netizen di Instagram. Terdapat tiga jenis kesalahan imbuhan yang dibincangkan dalam kajian ini mengikut tiga golongan kata, iaitu imbuhan kata nama, imbuhan kata kerja, dan imbuhan kata adjektif. Imbuhan sisipan tidak dianalisis kerana tidak terdapat kesalahan imbuhan sisipan dalam kapsyen netizen di Instagram. Bagi keterangan lanjut, Jadual 1 berikut dinyatakan kesalahan penggunaan imbuhan berdasarkan kapsyen yang dibuat oleh 30 netizen di Instagram.

JADUAL 1. Kesalahan penggunaan imbuhan bahasa Melayu

No.	Instagram	Kesalahan Imbuhan	Jenis Imbuhan	Imbuhan
1.	ebitlew	berjuta	ber-	awalan
		hadiahkan	-kan	akhiran
2.	aliffsyukriterlajaklaris	mecuba	me-	awalan
		berkahwinan	ber...-an	apitan
		teruskan	-kan	akhiran
3.	syahmisazli	didoakan	di...-kan	apitan
		memperjelaskan	memper...-kan	apitan
4.	nurhelizahelmi	menempuh	me-	awalan
		merasa	me-	awalan
		saksikan	-kan	akhiran
		ringankan	-kan	akhiran
5.	markadam1079	saksikan	-kan	akhiran
		hiburkan	-kan	akhiran
6.	asyalliee	jatuhkan	-kan	akhiran
		sepanjangannya	-an	akhiran
7.	syafiqahaiana	ceritakan	-kan	akhiran
8.	hafizmahamad	letakkan	-kan	akhiran
		berniaga	ber-	awalan
		teruskan	-kan	akhiran
9.	alifteega	sebabkan	-kan	akhiran
		baiki	-i	akhiran
		mengurangi	meng...-i	apitan

		limpahkan	-kan	akhiran
10.	adirasalahudi	uruskan	-kan	akhiran
		harungi	-i	akhiran
11.	aisyahhijannah	letakkan	-kan	akhiran
		hargai	-i	akhiran
12.	mat_dan1	mendapatkan	men-...-kan	apitan
		amalkan	-kan	akhiran
		lancarkan	-kan	akhiran
13.	farahanimrazak	berkerjasama	ber-	awalan
		lindungi	-i	akhiran
14.	ustazahmaddusuki	di siapkan	di-...-kan	apitan
15.	ustazahnorhafizahmusa	hayati	-i	akhiran
		harapkan	-kan	akhiran
		sertai	-i	akhiran
16.	farahlee_	agihan	-an	akhiran
17.	farhatulfairuzah	alunkan	-kan	akhiran
		hayati	-i	akhiran
		inginkan	-kan	akhiran
18.	farahfakhira_	hadiahkan	-kan	akhiran
		teruskan	-kan	akhiran
19.	yaana.lee	kurangkan	-kan	akhiran
20.	irine_nadia	naikkan	-kan	akhiran
		lakukan	-kan	akhiran
21.	wanemirastar	berkerjaya	ber-	awalan
		kenali	-i	akhiran
		berbagai	ber-	awalan
		dirahmati	di-...-i	apitan
		siakan	-kan	akhiran
22.	asyraffmazlan	syorkan	-kan	akhiran
		agihkan	-kan	akhiran
23.	cikepal06	putuskan	-kan	akhiran
24.	ammarazizzan	lahirkan	-kan	akhiran
25.	syednorhisyam	berkati	ber-	awalan
		kuatkan	-kan	akhiran
26.	firdauswong	sediakan	-kan	akhiran
		memberikan	mem-...-kan	apitan
27.	raqibmajid	perbanyak	per-	awalan
		begambar	be-	awalan
28.	fifarasol	wujudkan	-kan	akhiran
		diketemukan	di-...-kan	apitan
29.	nuriyamalek	pastikan	-kan	akhiran
		melembabkan	me-...-kan	apitan
30.	zahirariffin	keluarkan	-kan	akhiran

Jadual 1 menunjukkan kesalahan-kesalahan penggunaan imbuhan bahasa Melayu yang dilakukan oleh 30 netizen di Instagram. Hanya 7 orang sahaja netizen di Instagram yang tidak melakukan kesalahan penggunaan imbuhan lebih dari 1 imbuhan (No.7, No.14, No.16,

No.19, No.23, No.24, No.30). Walau bagaimanapun, dapatan ini masih menunjukkan bahawa, kesemua netizen ini melakukan kesalahan penggunaan imbuhan bahasa Melayu yang tidak gramatis dalam kapsyen Instagram mereka. Daripada dapatan ini, ternyata masih ramai netizen yang belum dapat menguasai penggunaan imbuhan yang tepat dalam penulisan kapsyen, walaupun kesemua netizen ini merupakan penutur natif bahasa Melayu.

JADUAL 2. Jumlah kekerapan kesalahan penggunaan imbuhan

Imbuhan	Kekerapan	Peratus
Awalan	11	16.92%
Akhiran	44	67.70%
Apitan	10	15.38%

Seterusnya, jadual 2 di atas memaparkan jumlah kekerapan kesalahan penggunaan imbuhan mengikut jenis imbuhan. Terdapat 3 jenis imbuhan yang digunakan oleh netizen sewaktu menulis kapsyen di Instagram. Kesalahan penggunaan imbuhan yang paling banyak dilakukan oleh 30 netizen di Instagram dalam kajian ini ialah imbuhan akhiran. Sebanyak 44 daripada 65 data kesalahan penggunaan imbuhan yang telah dilakukan oleh netizen di Instagram. Hal ini menunjukkan lebih dari separuh daripada data kajian iaitu imbuhan yang digunakan oleh netizen dalam kapsyen di Instagram telah melakukan kesalahan penggunaan imbuhan akhiran. Kesalahan penggunaan imbuhan akhiran ini banyak dilakukan kerana netizen didapati tidak menggunakan imbuhan yang sesuai bersesuaian dengan ayat yang hendak disampaikan dalam kapsyen dan menyebabkan ayat tersebut menjadi tidak gramatis. Seterusnya, kesalahan penggunaan imbuhan kedua terbanyak dalam Instagram yang dikaji ialah imbuhan awalan. Sebanyak 11 kesalahan imbuhan awalan yang dilakukan oleh netizen dalam Instagram ini. Selain itu, lihat pula pada kesalahan penggunaan imbuhan yang paling sedikit dilakukan oleh netizen-netizen di Instagram yang dikaji. Imbuhan ini mempunyai kutipan data yang paling rendah antara imbuhan yang lain iaitu imbuhan apitan. Kesalahan imbuhan ini hanya mencatatkan 10 kesalahan sahaja. Secara keseluruhan, sebanyak 65 kesalahan penggunaan imbuhan telah direkodkan berdasarkan semua jenis kesalahan imbuhan yang dilakukan oleh netizen dalam kajian ini.

#### 4.2 *Kesalahan Penggunaan Imbuhan Bahasa Melayu Dalam Instagram dan Hubungan Kaitnya dari Segi Gramatikal*

##### 1) **Kesalahan Imbuhan Awalan**

Imbuhan awalan terbahagi kepada tiga jenis golongan kata, iaitu imbuhan awalan kata nama, imbuhan awalan kata kerja, dan imbuhan awalan kata adjektif. Jadual 3 diperincikan data mengikut golongan kata bagi imbuhan awalan untuk dibincangkan dengan mengambil contoh ayat dalam kapsyen netizen di Instagram.

JADUAL 3. Kesalahan imbuhan awalan

Jenis Golongan Kata	Kesalahan Imbuhan Awalan (Jumlah)
Kata Nama (KN)	1
Kata Kerja (KK)	10
Kata Adjektif (KA)	0

Jadual 3 menunjukkan kesalahan bagi imbuhan awalan. Jadual tersebut memaparkan kesalahan imbuhan awalan yang dilakukan oleh netizen di Instagram bagi kata nama dan kata kerja sahaja. Berdasarkan data dalam jadual tersebut, kesalahan imbuhan awalan kata kerja (KK) menunjukkan kesalahan tertinggi iaitu sebanyak 10 kesalahan. Manakala, kesalahan berikutnya ialah kesalahan awalan bagi kata nama (KN) pula mencatatkan jumlah sebanyak 1 kesalahan sahaja dan kata adjektif (KA) tidak mencatatkan sebarang kesalahan. Berdasarkan dapatan ini, perbincangan kesalahan imbuhan awalan bagi kata kerja (KK) dan kata nama (KN) akan dilakukan secara terperinci:

#### a) Awalan Kata Kerja

Terdapat beberapa bentuk kesalahan bagi imbuhan awalan kata kerja, iaitu awalan *ber-* dan imbuhan *meN-* (*me-*). Berikut merupakan analisis kesalahan penggunaan imbuhan awalan bagi kata kerja:

**Data 1:** *Jom saya kongsi kepada anda resepi istimewa ini, jadi tunggu apa, lagi selamat mencuba.*

[https://www.instagram.com/tv/CKA3sJpJ0wC/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/tv/CKA3sJpJ0wC/?utm_source=ig_web_copy_link)

Berdasarkan ayat dalam data 1 di atas, terdapat kesalahan imbuhan pada perkataan *mencuba*, iaitu dari segi penggunaan awalan *meN-* (*me-*). Hal ini kerana, imbuhan *me-* hanya boleh bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *m*, *n*, *ny*, *ng*, *r*, *l*, *w*, dan *y* sahaja. Imbuhan yang sesuai untuk menggantikan perkataan ini ialah awalan *men-*. Ini kerana awalan ini menjadi *men-* apabila diimbuhkan pada kata dasar yang bermula dengan huruf *d*, *c*, *j*, *sy*, dan *z* akan menepati makna penggunaan imbuhan ini, iaitu berusaha melakukan sesuatu. Oleh itu, dalam konteks ayat tersebut, awalan *men-* sepatutnya digunakan, iaitu *Jom saya kongsi kepada anda resepi istimewa ini, jadi tunggu apa, lagi selamat mencuba*.

**Data 2:** *Bittaufiq Wannajah kepada semua yang bakal menempuh peperiksaan SPM sekejap lagi.*

[https://www.instagram.com/p/CLkr7cUlrTR/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/CLkr7cUlrTR/?utm_source=ig_web_copy_link)

Dalam data 2, terdapat kesalahan imbuhan pada perkataan *menempuhi* iaitu penggunaan imbuhan awalan *meN-* iaitu *me-*. Pemilihan awalan *me-* dari segi proses pengimbuhan adalah betul kerana awalan ini juga boleh bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *p*, *t*, *k*, dan *s*. Dalam hal ini, huruf pertama dalam kata dasar *tempuh* berubah menjadi bentuk sengau yang sama dengan daerah artikulasinya (homorganik), iaitu *n* bagi *t*. Oleh itu, proses pengimbuhan bagi perkataan ini adalah betul. Namun, imbuhan ini tetap perlu digantikan kepada imbuhan awalan *men-* untuk menjelaskan makna ayat dengan lebih tepat, iaitu menunjukkan makna lokatif, iaitu berkenaan pelajar yang akan memasuki peperiksaan SPM. Oleh itu, ayat tersebut perlu dituliskan seperti, *Bittaufiq Wannajah kepada semua yang bakal menempuhi peperiksaan SPM sekejap lagi*.

Menurut Corder (1967), kesilapan dalam penulisan merupakan bukti tentang sifat proses, peraturan dan kategori yang digunakan oleh seseorang di peringkat tertentu. Sekiranya seseorang itu ingin mengkaji sistem bahasa seseorang, maka penganalisis kesilapan bahasa perlu mendapatkan kunci sistem atau peraturan dalam bahasa yang digunakan.

**Data 3:** *Diorang berkerjasama untuk buka pagar sebab kalau sorang-sorang memang ketat tak boleh buka pun.*

[https://www.instagram.com/p/CKG2TalHFpQ/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/CKG2TalHFpQ/?utm_source=ig_web_copy_link)

Mohd. Daud Yusuf (1990) yang memetik pendapat Robert Lado tentang kesilapan dan kesalahan bahasa, iaitu kesalahan biasanya dibuat oleh orang-orang yang tidak dapat menguasai sepenuhnya struktur tatabahasa. Kesalahan biasanya dilakukan oleh orang yang mencuba mempelajari bahasa. Kesilapan pula biasanya dilakukan oleh penutur asli bahasa itu sendiri. Dengan kata lain, seseorang penutur asli gagal menggunakan sistem-sistem dan rumus bahasa dengan betul.

Justeru, berdasarkan ayat dalam data 3, terdapat kesalahan imbuhan pada perkataan *berkerjasama* iaitu dari segi penggunaan awalan *ber-*. Jika awalan *ber-* digunakan bagi perkataan *berkerjasama*, maka ia tidak menepati makna ingin disampaikan. Hal ini kerana, dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), perkataan *berkerjasama* tidak terdapat dalam kamus dan hal ini secara tak langsung tidak menunjukkan makna yang tepat untuk menyampaikan maksud bekerja iaitu berbuat sesuatu bersama-sama atau dengan cara saling membantu. Oleh itu, penggunaan imbuhan yang tepat bagi perkataan ini adalah awalan *beR-* iaitu *be-* dalam ayat, *Diorang bekerjasama untuk buka pagar sebab kalau sorang-sorang memang ketat tak boleh buka pun.*

## b) Awalan Kata Nama

Terdapat satu bentuk kesalahan bagi imbuhan kata nama, iaitu awalan *peR-* iaitu *per-*. Berikut merupakan analisis kesalahan bagi imbuhan awalan kata nama:

**Data 4:** *Semoga segala urusan kita dipermudahkan dan **perbanyak** rezeki kita dengan rezeki yang halal.*

[https://www.instagram.com/p/CCdjwMjDcA/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/CCdjwMjDcA/?utm_source=ig_web_copy_link)

Berdasarkan ayat dalam data 4, terdapat kesalahan imbuhan pada perkataan *perbanyak*, iaitu penggunaan imbuhan awalan *peR-*, iaitu *per-*. Sepatutnya, kata dasar banyak menerima awalan *diper-*. Hal ini kerana proses pengimbuhan ini tidak tepat dan juga memberi impak kepada makna ayat. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) tidak mendefinisikan makna bagi perkataan ini bahkan maknanya jugatidak terdapat dalam kamus. Hal ini menyebabkan makna ayat tidak dapat difahami. Oleh itu, penggantian imbuhan *per-* kepada imbuhan *diper-* seperti, *Semoga segala urusan kita dipermudahkan dan **diperbanyak** rezeki kita dengan rezeki yang halal* adalah tepat kerana ia mendukung makna yang ingin disampaikan serta menepati makna imbuhan apitan itu sendiri, iaitu dari segi makna sesuai dengan ayattersebut.

Berdasarkan kajian oleh Julisah Izzar, Rengki Afri dan Dimas Sanjaya (2019), sesebuah wacana yang dibina bukan hanya penting dari segi kegramatisan ayat, sebaliknya sesebuah wacana dikatakan baik apabila hubungan antar kalimat-kalimat kohesif dan koheren. Artinya, frasa-frasa serta klausa-klausa yang membangun sesuatu ayat perlu berhubung secara padu antara satu sama lain. Hal ini termasuklah dalam konteks penggunaan imbuhan yang tepat dalam ayat supaya proses pengimbuhan yang betul dapat menghasilkan makna yang efektif yang ingin disampaikan kepada khalayak pembaca.

## 2) Kesalahan Imbuhan Akhiran

Imbuhan akhiran terbahagi kepada tiga jenis golongan kata iaitu imbuhan akhiran kata nama, imbuhan akhiran kata kerja, dan imbuhan akhiran kata adjektif. Jadual 4 berikut diperincikan data mengikut golongan kata bagi imbuhan akhiran untuk dianalisis dengan mengambil contoh dalam kapsyen di Instagram yang dikaji.

JADUAL 4. Kesalahan imbuhan akhiran

Jenis Golongan Kata	Kesalahan Imbuhan Akhiran (Jumlah)
---------------------	------------------------------------

Kata Nama (KN)	2
Kata Kerja (KK)	42
Kata Adjektif Akhiran (KA)	0

Berdasarkan jadual 4, imbuhan akhiran bagi kata kerja (KK) mencatatkan kesalahan tertinggi, iaitu sebanyak 42 kesalahan. Akhiran kata nama (KN) pula mencatatkan jumlah kesalahan sebanyak 2 kesalahan sahaja dan kata adjektif (KA) tidak mencatatkan sebarang kesalahan. Berdasarkan dapatan ini, analisis kesalahan imbuhan akhiran bagi golongan kata iaitu kata kerja (KK) dan kata nama (KN) akan dilakukan secara terperinci:

#### a) Akhiran Kata Kerja

Terdapat dua bentuk kesalahan bagi imbuhan akhiran kata kerja, iaitu akhiran *-kan* dan *-i*. Berikut merupakan contoh analisis kesalahan imbuhan akhiran kata kerja:

**Data 5:** *Saya hadiahkan mesin basuh, kipas dan semua keperluan lain.*

[https://www.instagram.com/p/CMM\\_-tXIVBI/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/CMM_-tXIVBI/?utm_source=ig_web_copy_link)

**Data 6:** *Walaupun kita dalam musim PKP, tetapi Dato' AC Mizal @emyliadac akan tetap hiburkan korang semua!*

[https://www.instagram.com/p/CKhuSocH-A9/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/CKhuSocH-A9/?utm_source=ig_web_copy_link)

Kesalahan penggunaan kata terbitan *hadiahkan* dalam data 5 dan *hiburkan* dalam data 6 dalam ayat tersebut harus menggunakan imbuhan *meng-...-kan* bagi membentuk perkataan *menghadiahkan* dan *menghiburkan* yang lebih gramatis dalam penggunaan ayat tersebut. Tambahan pula, dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) tidak mendefinisikan makna bagi kedua-dua perkataan ini bahkan maknanya juga tidak terdapat dalam kamus. Oleh itu, penggantian imbuhan akhiran *-kan* kepada apitan *meng-...-kan* adalah lebih tepat dalam ayat tersebut. Hal ini kerana, biasanya kata kerja yang menerima akhiran *-kan* juga akan menerima awalan *meN-*. Justeru, ayat ini lebih gramatis jika ditulis seperti, *Saya menghadiahkan mesin basuh, kipas dan semua keperluan lain* (data 5) dan *Walaupun kita dalam musim PKP, tetapi Dato' AC Mizal @emyliadac akan tetap menghiburkan korang semua!* (data 6).

**Data 7:** *Jom sama-sama kita hayati perkongsian beliau malam ini insya Allah.*

[https://www.instagram.com/p/CMvs0Q4h9iW/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/CMvs0Q4h9iW/?utm_source=ig_web_copy_link)

Berdasarkan ayat dalam data 7 di atas, terdapat kesalahan imbuhan pada perkataan *hayati*. Kesalahan yang dimaksudkan adalah dari segi penggunaan imbuhan akhiran *-i* yang tidak tepat. Ayat tersebut ingin mengajak kita untuk mengalami atau merasai perkongsian, namun penggunaan akhiran *-i* bagi perkataan *hayati* telah membawa makna yang berlainan iaitu, mengenai hayat (hidup). Hal ini menunjukkan makna ayat yang ingin disampaikan dalam ayat tersebut terpesong daripada makna sebenar disebabkan penggunaan imbuhan yang salah. Oleh itu, bagi menyampaikan makna sebenar bagi ayat ini, akhiran *-i* perlu ditukar kepada penggunaan imbuhan apitan *meng-...-i* seperti, *Jom sama-sama kita menghayati perkongsian beliau malam ini insya Allah*. Perkataan *menghayati* merupakan kata terbitan berapitan. Kata terbitan wujud apabila kata nama terbitan, kata kerja terbitan, dan kata adjektif apitan. Perkataan *hayat* (data 7) terdiri daripada kata adjektif. Maka ayat ini akan lebih jelas menerangkan makna sebenar bagi perkataan tersebut kerana imbuhan akhiran *-i* membentuk kata kerja transitif dan wujud dengan awalan *meN-*.

**Data8:** *Ingat setiap manusia sentiasa diberikan ruang dan peluang untuk **baik** diri dan taubat pada Allah.*

[https://www.instagram.com/p/COZq2HjHiwP/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/COZq2HjHiwP/?utm_source=ig_web_copy_link)

Sharma (1981) menyatakan bahawa lupa merupakan salah satu kesilapan dalam bahasa. Hal ini kerana penulis memandang remeh terhadap penulisan bahasa yang betul. Lupa sementara ini disebabkan oleh beberapa faktor di luar linguistik, contohnya terlupa, gangguan emosi, lalai dalam proses penerimaan dalam pembelajaran dan kurang latihan. Oleh itu, kesalahan penggunaan kata terbitan dalam data 8 bagi perkataan *baik* dalam ayat haruslah menggunakan imbuhan *memper-...-i* bagi membentuk perkataan memperbaiki yang lebih gramatis dalam penggunaan ayat tersebut. Hal ini kerana perkataan baik merupakan kata adjektif. Penggunaan kata terbitan akhiran hanya merujuk kepada kata nama dan kata kerja. Sementara, kata adjektif hanya menggunakan terbitan awal kata. Justeru perkataan *memperbaiki* dalam ayat, “*Ingat setiap manusia sentiasa diberikan ruang dan peluang untuk memperbaiki diri dan taubat pada Allah*” adalah lebih gramatik kerana kata adjektif wujud dalam kata terbitan apitan. (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2015).

**Data9:** *Jangan lupasaksikan Sahabat Ramadan secara langsung setiap hari sepanjang bulan Ramadan ini di Astro Oasis HD (106) dan Astro Oasis (126) jam 5.30ptg hingga 7.30ptg.*

[https://www.instagram.com/p/B\\_g7HgvnGRh/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/B_g7HgvnGRh/?utm_source=ig_web_copy_link)

**Data 10:** Stay tune malam esok untuk *saksikan* Muzikal Lawak Superstar 2.

[https://www.instagram.com/p/CI5koTnHBqy/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/CI5koTnHBqy/?utm_source=ig_web_copy_link)

Berdasarkan ayat dalam data 9 dan data 10, terdapat kesalahan imbuhan pada perkataan *saksikan*. Kesalahan yang dimaksudkan ialah dari segi penggunaan akhiran *-kan* yang tidak tepat. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), tidak menunjukkan adanya perkataan *saksikan* secara tidak langsung perkataan ini tidak dapat dipastikan. Hal ini menyebabkan makna ayat tersebut tidak dapat difahami dengan jelas. Oleh itu, imbuhan yang sesuai untuk perkataan ini ialah apitan *meN-...-kan*, iaitu meny-...-kan. Hal ini kerana apitan ini menjadi *meny-...-kan* apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *s*, dan huruf *s* tersebut menjadi *ny* serta menepati makna penggunaan imbuhan ini, iaitu melihat atau menonton. Justeru, penggantian *-kan* kepada imbuhan apitan *meny-...-kan*, iaitu *menyaksikan* adalah lebih gramatis dalam ayat, *Jangan lupa menyaksikan Sahabat Ramadan secara langsung setiap hari sepanjang bulan Ramadan ini di Astro Oasis HD (106) dan Astro Oasis (126) jam 5.30ptg hingga 7.30ptg* (data 9) dan *Stay tune malam esok untuk menyaksikan Muzikal Lawak Superstar 2* (data 10).

## b) Akhiran Kata Nama

Terdapat hanyasatubentukkesalahanbagiimbuhanakhirankatanama, iaitu akhiran *-anyang* boleh bergabung dengan kata dasar tanpa melibatkan sebarang perubahan huruf. Berikut merupakan contoh analisis kesalahan imbuhan akhiran kata kerja:

**Data11:** *Semoga kita semua diberkati oleh Allah SWT sepanjang anibadah kitadibulanyang mulia ini.*

[https://www.instagram.com/p/CNlqSgpFtkh/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/CNlqSgpFtkh/?utm_source=ig_web_copy_link)

Mohd. Daud Yusuf (1990) telah menggariskan perbezaan antara kecekapan (*competence*) dengan perlakuan (*performance*), serta memperlihatkan pertalian antara kedua-

duanya. Tambahan lagi, seorang penutur asli sesuatu bahasa diandaikan mempunyai pengetahuan yang cukup tentang rumus-rumus dan sistem bahasa ibundanya tetapi mereka masih menggunakan ujaran yang tidak gramatis. Jika dilihat berdasarkan ayat (data 11), penstrukturan ayat yang tidak gramatis dari segi kesalahan penggunaan imbuhan telah menjejaskan makna ayat berdasarkan penggunaan pada perkataan *sepanjang*. Justeru itu (data 11), kesalahan ayat terbitan di atas ialah penggunaan akhiran *-an* dalam perkataan *sepanjang*. Hal ini kerana, perkataan *sepanjang* tidak terdapat dalam kamus dewan tetapi perkataan panjang boleh menerima awalan *se-* sebagai kata terbitan yang membawa makna segenap waktu, selama, atau seluruh bagi menjadikan ayat ini lebih gramatis. Oleh itu, bagi menyampaikan maknanya, sudah memadai dengan hanya menggunakan awalan *se-* sahaja bagi ayat ini, iaitu *Semoga kita semua diberkati oleh Allah SWT sepanjang ibadah kita di bulan yang muliaini*.

**Data 12:** *@philandure invite @fl.childrity untuk sama-sama collab untuk project Pandemik Aidilfitri pada tahun ni, untuk agihan hadiah aidilfitri kepada keluarga yang memerlukan.*  
[https://www.instagram.com/p/COXzpiBFj7I/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/COXzpiBFj7I/?utm_source=ig_web_copy_link)

Aini (2007) mengatakan bahawa teori analisis kesalahan menggunakan pendekatan dengan cara mengenal pasti kesalahan dan mengkategorikan kesalahan bagi melakukan pembetulan terhadap kesalahan tersebut. Justeru itu, dalam ayat di atas (data 12), terdapat kesalahan penggunaan imbuhan *-an*. Ayat tersebut ingin menjelaskan jemputan untuk memberikan hadiah kepada keluarga yang memerlukan, namun penggunaan imbuhan akhiran *-an*, iaitu *agihan* pada ayat seakan merujuk apa yang diagihkan atau dibahagikan. Hal ini menunjukkan makna ayat yang ingin disampaikan dalam ayat tersebut terpesong daripada makna sebenar disebabkan penggunaan imbuhan yang salah. Oleh itu, penggunaan imbuhan akhiran tersebut tidak sesuai dengan konteks ayat dalam data 12 kerana tidak merujuk kepada perbuatan memberi. Maka, imbuhan tersebut sepatutnya digantikan dengan imbuhan apitan *meng-...-kan*, iaitu *pengagihan*. Justeru, imbuhan tersebut perlu ditulis sebetulnya dalam ayat, *@philandure invite @fl.childrity untuk sama-sama collab untuk project Pandemik Aidilfitri pada tahun ni, untuk mengagihkan hadiah aidilfitri kepada keluarga yang memerlukan*.

### 3) Kesalahan Imbuhan Apitan

Imbuhan apitan terbahagi kepada tiga jenis golongan kata, iaitu imbuhan apitan kata nama, imbuhan apitan kata kerja, dan imbuhan apitan kata adjektif. Jadual 5 berikut diperincikan data mengikut golongan kata bagi imbuhan apitan untuk dianalisis dengan mengambil contoh dalam kapsyen di Instagram yang dikaji.

JADUAL 5. Kesalahan Penggunaan imbuhan apitan

Jenis Golongan Kata	Kesalahan Imbuhan Akhiran (Jumlah)
Kata Nama (KN)	0
Kata Kerja (KK)	10
Kata Adjektif (KA)	0

Jadual 4.4 menunjukkan kesalahan bagi imbuhan apitan. Jadual tersebut memaparkan kesalahan imbuhan apitan yang dilakukan oleh netizen bagi kata kerja (KK) menunjukkan sebanyak 10 kesalahan. Manakala, kesalahan penggunaan imbuhan bagi golongan kata nama (KN) dan kata adjektif (KA) tidak dilakukan oleh netizen dalam Instagram yang dikaji. Berdasarkan dapatan ini, analisis kesalahan imbuhan akhiran bagi golongan kata akan dilakukan secara terperinci:

a) **Apitan KataKerja**

Terdapatbeberapabentukkesalahanbagiimbuanapitankatakerja,iaituapitandi-...-kan,di-...-i, meN-...-kan (me-...-kan, mem-...-kan, dan men-...-kan), meN-...-i (meng-...-i),mempeR-...-kan(memper-...-kan)danber-...-an.Berikutmerupakancontohanalisiskesalahanimbuanapitan katakerja:

**Data 13:** *Tetapi untuk mempertahankan **berkhawinan** & untuk kekal bahagia muafakat bukan sesuatu perkara yang mudah.*

[https://www.instagram.com/p/CNHlboNpn\\_-/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/CNHlboNpn_-/?utm_source=ig_web_copy_link)

Nik Safiah Karim (1978), mengatakan bahawa penggunaan bahasa amnya dan penggunaan ejaan khususnya yang tidak berdasarkan peraturan dan sistem bahasa dianggap sebagai kesilapan. Walau bagaimanapun, kesilapan bahasa boleh dilakukan sekiranya bahasa itu digunakan secara tidak formal. Justeru, berdasarkan ayat dalam data 13, terdapat kesalahan imbuan pada perkataan *berkhawinan*. Sepatutnya, kata dasar *kahwin* menerima imbuan apitan *per-...-an*. Hal ini kerana proses peingimbuhan ini tidak tepat dan tidak terdapat makna bagi perkataan *berkhawinan* dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Ini menyebabkan makna ayat tidak dapat difahami dengan jelas. Apitan *ber-...-an* hanya dapat dibentuk dengan kata dasar yang terdiri daripada golongan kata kerja, sama ada transitif atau tak transitif. Oleh itu, penggantian imbuan *ber-...-an* kepada imbuan *per-...-an* seperti *Tetapi untuk mempertahankan **perkhawinan** & untuk kekal bahagia muafakat bukan sesuatu perkara yang mudah* adalah tepat kerana ia mendukung makna yang ingin disampaikan serta menepati makna imbuan apitan itu sendiri, iaitu dari segi makna berpadanan. Dalam hal ini, ia menunjukkan bahawa pentingnya muafakat dalam mempertahankan perkahwinan untuk kekalbahagia.

**Data 14:** *Keperluan itu masih banyak untuk **di siapkan**.*

[https://www.instagram.com/p/CKCu\\_narUBk/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/CKCu_narUBk/?utm_source=ig_web_copy_link)

Corder (1973) mengatakan bahawa kesilapan atau kesalahan bahasa berlaku kerana terdapat penyimpangan dalam sistem atau peraturan bahasa. Beliau cuba membezakan kesilapan prasisematik dan postsisematik dengan berdasarkan kepada kebolehan pelajar mengenal pasti pembetulan dan menjelaskan sebab berlakunya kesalahan bahasa. Hal ini keranabeliauberanggapanbahawapelajartidakmenyedariperaturandansistemdalambahasa tersebut, iaitu para peringkat prasisematik, maka penyelesaian bahasa tidak dapatdilakukan.

Justeruitu,kesalahanyangterdapatdalamayat(data14)ialahpenggunaankataterbitan apitan *di siapkan*. Kata terbitan ini haruslah ditulis secara rapat iaitu *disiapkan* dalam ayat, *Keperluan itu masih banyak untuk **disiapkan***. Hal ini kerana tidak ada kata terbitan yang membentuk dalam keadaan jarak. Kata terbitan apitan wujud dalam kata nama terbitan, kata kerja terbitan dan kata adjektif apitan (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga:2015).

**Data 15:** *Pada mata Ainul Mardiah sudah mula melihat rona-rona masa depan dengan cerah kerdip kejora dan kami semua **didoakan** rezekimu Mie.*

[https://www.instagram.com/p/CHHQgAXMF9r/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/CHHQgAXMF9r/?utm_source=ig_web_copy_link)

Berdasarkanayatdalamdata15,terdapatkesalahanimbuanpadaperkataandidoakan. Apitan *di-...-kan* berfungsi untuk membentuk kata kerja pasif dan perkataan ini merupakan penanda pasif diri orang ketiga. Ayat tersebut ingin menjelaskan mereka mendoakan rezeki untuk Mie, namun penggunaan apitan *di-...-kan*, iaitu *didoakan* pada ayat seakan merujuk

kepada rezeki yang berdoa. Hal ini menunjukkan makna ayat yang ingin disampaikan dalam ayat tersebut terpesong daripada makna sebenar disebabkan penggunaan imbuhan yang salah.

Oleh itu, penggunaan apitan tersebut tidak sesuai dengan konteks ayat dalam data 15 kerana tidak merujuk kepada orang, dan imbuhan tersebut perlu digantikan dengan imbuhan apitan *meN-...-kan* (*men-...-kan*), iaitu *mendoakan*. Walaupun apitan *di-...-kan* merupakan bentuk pasif bagi *meN-...-kan*, tetapi dalam ayat ini ia nyatidaksesuai untuk digunakan. Maka, ayat tersebut perlu ditulis seperti, *Pada mata Ainul Mardiah sudah mula melihat rona-rona masa depan dengan cerah kerdip kejora dan kami semua mendoakan rezekimu Mie*.

**Data 16:** *Sempena pelancaran kembali edisi istimewa ini, anda layak **mendapatkan** diskaun sehingga 20% bagi pembelian bermula 29hb sehingga 2hb Januari nanti.*

[https://www.instagram.com/tv/CJOIsvLphWz/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/tv/CJOIsvLphWz/?utm_source=ig_web_copy_link)

**Data 17:** *Lepas tu, Kak Iylia guna Cetaphil Moisturizing Cream untuk **melembapkan** dan menghaluskan kulit.*

[https://www.instagram.com/p/B\\_2T9eiDe\\_z/?utm\\_source=ig\\_web\\_copy\\_link](https://www.instagram.com/p/B_2T9eiDe_z/?utm_source=ig_web_copy_link)

Menurut Nurmasitah dan Jama'yah (2015), sesuatu wacana perlu bergabung antara satu sama lain untuk membina makna yang jelas dan difahami oleh pembaca. Jika dilihat berdasarkan ayat dalam data 16 dan data 17, penstrukturan ayat yang tidak gramatis dari segi kesalahan penggunaan imbuhan telah menjejaskan makna ayat berdasarkan penggunaan imbuhan pada perkataan *mendapatkan* dan *melembapkan*. Kedua-dua ayat merupakan ayat aktif transitif. Namun, penggunaan imbuhan apitan *meN-...-kan* (*men-...-kan* dan *me-...-kan*) tidak tepat walaupun ia menepati konsep payatit sendirinya, yakni kata kerjanya memerlukan objek sebagai penyambut. Tambahan pula, dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), makna perkataan *mendapatkan* dan *melembapkan* tidak tepat untuk digunakan bagi kedua-dua ayat dalam data 16 dan data 17. Namun begitu, ayat dalam data 16 ingin menyatakan berkaitan mendapat diskaun sekiranya membeli dalam tempoh yang dinyatakan dan ayat dalam data 17 pula menyatakan perihal penjagaan kulit. Oleh itu, bagi menyampaikan makna ini, sudah memadai dengan hanya menggunakan awalan *meN-* iaitu *men-* bagi ayat, *Sempena pelancaran kembali edisi istimewa ini, anda layak **mendapat** diskaun sehingga 20% bagi pembelian bermula 29hb sehingga 2hb Januari nanti* (data 16) dan seterusnya *me-* bagi ayat, *Lepas tu, Kak Iylia guna Cetaphil Moisturizing Cream untuk **melembap** dan menghaluskan kulit* (data 17).

## 5. Kesimpulan

Berdasarkan kajian, kesalahan imbuhan yang telah dikenal pasti mempunyai hubung kait dari segi makna gramatikal. Hal ini kerana perubahan suatu bentuk kata itu apabila mengalami proses pengimbuhan akan memberi kesan terhadap perubahan makna gramatikal dan makna konteks satuan ayat tersebut. Dapatan kajian menunjukkan apabila netizen menggunakan imbuhan yang salah, ia sekali gus tidak dapat menyampaikan makna ayat itu sepertimana yang ingin disampaikan.

Dapatan kajian antaranya menunjukkan netizen mengalami masalah yang paling ketara dari segi kesalahan imbuhan akhiran *-kan* di samping kesalahan-kesalahan imbuhan yang lain yang tidak begitu ketara. Tambahan pula, kajian mendapati bahawa terdapat kata yang tidak mempunyai makna selepas mengalami proses pengimbuhan serta tidak menggunakan imbuhan pada kata dasar yang sepatutnya menerima imbuhan bagi menyampaikan makna ayat tersebut. Oleh itu, dari segi tahap tujuan, iaitu proses penyampaian makna ayat itu tidak dapat dilaksanakan dan ia turut memberi impak dari segi

penerimaan makna ayat itu sendiri. Dalam situasi ini, penggunaan imbuhan itu seharusnya menepati fungsi makna gramatikal kerana ia akan memberi kesan dari segi tujuan dan penerimaan makna ayat itu.

Secara keseluruhannya, bahagian analisis ini menunjukkan bahawa terdapat banyak kapsyen daripada Instagram terpilih yang mengandungi kesalahan penggunaan imbuhan bahasa Melayu. Dalam objektif pertama, hasil penelitian pengkaji mengenal pasti dan mengkategorikan data kajian mengikut jenis kesalahan imbuhan yang dilakukan oleh netizen dalam kajian ini. Seterusnya, dalam objektif kedua pula pengkaji mendapati bahawa terdapat 65 data kajian yang diperoleh melalui 30 akaun Instagram. Kemudian, data kajian ini dikelompokkan mengikut 3 jenis imbuhan iaitu imbuhan awalan, imbuhan akhiran, dan imbuhan apitan setelah dianalisis kekerapan kesalahan imbuhan mengikut jenisnya. Pengkaji juga memberikan beberapa contoh ayat yang mengandungi kesalahan penggunaan imbuhan. Selain itu, objektif ketiga pengkaji memfokuskan pula kepada perbincangan mengenai kesalahan penggunaan imbuhan bahasa melayu dalam Instagram dan hubung kaitnya darisegi gramatikal. Pengkaji membincangkan satu persatu kesalahan imbuhan dan menghuraikan dengan lebih terperinci kesalahan tersebut dari segi kegramatikal ayat. Terdapat juga kapsyen yang mempunyai kesalahan imbuhan bagi perkataan yang sama. Netizen mungkin melakukan kesalahan imbuhan yang sama kerana terpengaruh dengan faktor sosiolinguistik, seperti penggunaan laras, bahasa dan dialek. Secara ringkasnya, dalam bahagian analisis kajian ini, pengkaji dapat melaksanakan ketiga-tiga objektif kajian berdasarkan Instagram yang dikaji.

## Rujukan

- Aini Haji Karim. (2007). Analisis Kontrastif dan Analisis Kesalahan Bahasa: Antara Hipotesis dan realiti. *Prosiding Seminar Tahunan Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik II* (SETALING), hlm. 212-225.
- Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Analisis Kesalahan dalam Penulisan Penulisan Pelajar Bahasa Kedua dari Aspek Morfologi. *Jurnal Linguistik* 22(1):24-31.
- Amirra Shazreena, Aminul Razin & Vijaya Ietchumy Subramaniam. (2019). Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(1): 3-13.
- Corder, S. P. (1967). *The Significance of Learners' Errors*. International Review of Applied Linguistics.
- Corder, S.P. (1973). *Introducing Applied Linguistics*. Lincoln: Penguin Books Ltd.
- Julisahlzar, Rengki Afria & Dimas Sanjaya. (2019). Analisis aspek gramatikal dan leksikalp ada cerpen 'Ketek Ijo' karya M. Fajar Kusuma. *Titian: Jurnal Ilmu Humaniora* 3(1): 55- 72.
- Kamus Dewan*. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Daud Yusuf. (1990). Penguasaan BM Baku di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Dua (KBSM): Satu Kajian Kes di Maktab Sultan Ismail Kota Bharu, Kelantan. Thesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim. (1978). *Bahasa Melayu Syntax*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria. 2015. Kohesi gramatikal penghubung dalam karanganberbahasaMelayu.*InternationalJournalofLanguageEducationandApplied Linguistics (IJLEAL)* 3: 101-113.
- Nurul Adzwa Ahmad, Nur Farakhanna & Norfaizah. 2020. Analisis Kesalahan Imbuhan dalam Penulisan Karangan Pelajar dan Hubung Kait dari Segi Makna Gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(1): 77-90.

